



کمنتین کبودایان بلیا

دان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**جانغ**  
CANANG

Mei 2023



## PETIKAN TITAH



Kebawah DYMM bertitah menyambut baik tema Sambutan Hari Raya anjuran Yayasan kali ini iaitu "Memperkasakan Penglibatan Masyarakat Dalam Mencapai Wawasan Brunei 2035."

Seterusnya baginda bertitah, wawasan ini adalah aspirasi masa depan bagi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah negara yang dikenali mempunyai penduduk berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya serta mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 titah baginda, bukanlah semata-mata diasaskan kepada kemajuan fizikal dan pencapaian pendidikan serta kemahiran termasuk pendapatan per kapita yang ditakrifkan sebagai maju.

"Tetapi turut paling utama ialah keberkatan dalam semua aspek kehidupan menurut landasan agama Islam yang suci, kerana inilah kunci kejayaan yang hakiki disertai dengan pengamalan falsafah Melayu Islam Beraja yang telah kita sebatikan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Baginda bertitah, keprihatinan mereka mengambil berat terhadap kebajikan rakyat tentu saja memberi impak positif kepada matlamat Wawasan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

"Beta juga sukacita mengalu-alukan kehadiran sebahagian golongan warga emas, para belia dan generasi muda yang terdiri daripada para pelajar, yang mewakili seluruh lapisan penduduk. Inilah yang kita harapkan supaya semua lapisan bukan hanya setakat mengambil tahu malah juga menjiwai matlamat Wawasan, bukannya asyik leka dengan keseronokan yang melalaikan," titah baginda seterusnya.

Terdahulu, Kebawah DYMM melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmatNya jua dapatlah kita merayakan Aidilfitri yang mulia ini.

### TITAH

#### KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1444H/2023M ANJURAN YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH



## MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN ASIA TENGGARA KE-32, PHNOM PENH, KEMBOJA 2023.



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 10 Syawal 1444 / 1 Mei 2023** – Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023 yang akan diadakan secara rasminya bermula pada 5 hingga 17 Mei 2023.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 100 orang terdiri daripada 65 orang atlet dan 35 orang pegawai termasuk *Chef de Mission*, *Assistant Chef de Mission*, ketua urus setia, pegawai urus setia, pegawai perhubungan, pengurus pasukan, jurulatih dan pegawai, doctor, fisioterapi dan pegawai perubatan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan SEA Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023 telah diadakan bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berangkat bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan SEA Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad dan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kemuncak majlis ialah sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan seterusnya penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan selaku *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan SEA Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023. Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai.

Turut hadir dimajlis berkenaan ialah Yang Mulia Mr Yen Samnang, *Deputy Head of Mission*, Kedutaan Kerajaan Kemboja Ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS; Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS; Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS; ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; Persatuan Persatuan Sukan Kebangsaan; serta para ibu-bapa dan penjaga.



### Sambungan Muka Surat 3



Edisi Sukan SEA kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak 12 acara sukan daripada 37 sukan yang dipertandingkan iaitu:

- 1) *Aquatics Swimming* (4 atlet lelaki)
- 2) *Athletics* (2 atlet lelaki)
- 3) *Badminton* (6 atlet - 4 lelaki dan 2 wanita)
- 4) *Billiards & Snooker* (2 lelaki)
- 5) *E-Sports* (5 lelaki)
- 6) *Fencing* (4 atlet - 3 lelaki dan 1 wanita)
- 7) *Karatedo* (12 atlet – 9 lelaki dan 3 wanita)
- 8) *Obstacle Race* (5 atlet lelaki)
- 9) *Pencak Silat* (10 atlet - 7 lelaki dan 3 wanita)
- 10) *Petanque* (6 atlet – 5 lelaki dan 1 wanita)
- 11) *Weightlifting* (2 atlet – 1 lelaki dan 1 wanita)
- 12) *Wushu* (7 atlet - 5 lelaki dan 2 wanita)

Negara Brunei Darussalam mula mengikuti Sukan SEA pada tahun 1977 dan pencapaian terbaik ialah semasa negara menjadi tuan rumah pada tahun 1999 dengan meraih 4 pingat emas, 12 pingat perak dan 32 pingat gangsa.

Pada penyertaan di kejohanan Sukan SEA ke-31 di Hanoi, Vietnam 2021 yang lalu, negara telah mengutip 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa dan dua sukan yang menyumbang pingat iaitu sukan Wushu dan Pencak Silat.

Kontinjen negara dijangka bertolak ke Phnom Penh, Kemboja secara berperingkat-peringkat bermula pada 30 April 2023.



## KUMPULAN KEDUA KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE SUKAN SEA KE-32



**Berakas, Selasa, 11 Syawal 1444 / 02 Mei 2023** – Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 bagi kumpulan kedua telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja.

Kumpulan kedua Kontinjen negara yang akan bertolak pada hari ini merangkumi seramai tiga (3) orang iaitu Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan selaku Assistant Chef de Mission, Yang Mulia Awang Johari bin Haji Bakar selaku Pegawai Urus Setia dan Yang Mulia Dr. Essam bin Mohamed Shaaban, Pegawai Perubatan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Mulia Pengiran Mohd. Amirrizar bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.,

Sebelum berlepas, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim, Pegawai Penganalisa Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 akan diadakan di Kemboja secara rasminya bermula 5 hingga 17 Mei 2023 di mana Negara Brunei Darussalam akan menyertai dalam 12 acara sukan pada edisi Sukan SEA kali ini.





## KUMPULAN KETIGA KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE SUKAN SEA KE-32, PHNOM PENH, KEMBOJA 2023

**Berakas, Rabu, 12 Syawal 1444H/03 Mei 2023M** - Seramai 56 orang ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada *Chef de Mission*, 4 orang pegawai urus setia, 3 orang pegawai perubatan, seorang Pengurus sukan E-Sport, 3 orang terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan *Billiard & Snooker*, 6 orang terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan *Aquatics*, 13 orang terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Pencak Silat, 7 orang terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Petanque, 15 orang terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Karate dan 3 orang terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Athletics telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja bagi menyertai kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, yang akan berlangsung pada 5 hingga 17 Mei 2023.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan kata-kata nasihat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan selaku *Chef de Mission*.



## BERKENAN BERANGKAT KE SUKAN ASIA TENGGARA KE-32, PHNOM PENH, KEMBOJA.



**Phnom Penh, Kemboja, Jumaat, 14 Sya-wal 1444 / 05 Mei 2023** - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam berkenan berangkat ke **Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara Ke-32, 2023** yang telah diadakan di Morodok Techo National Stadium, Phnom Penh bermula jam 7.00 malam waktu tempatan. Negara Kemboja buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi temasya sukan yang terbesar di Asia Tenggara ini.

Yang Mulia Awang Mohd Ali Saifullah Bin Haji Mohd Suhaimi dari sukan Pencak Silat telah diberikan penghormatan sebagai pembawa bendera Negara Brunei Darussalam bagi

acara perbarisan lalu kontinjen-kontinjen Negara semasa upacara Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara ke-32. Temasya sukan telah menjemput seramai 10,890 penyertaan yang terdiri daripada **atlet** dan **pegawai** dari sebelas (11) negara-negara Asia Tenggara yang mempertandingan 36 jenis sukan yang mengandungi 579 acara.

Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara ke-32, 2023 telah dirasmikan oleh **Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen, Perdana Menteri Negara Kemboja**. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh **His Excellency Dr Thong Khun, Presiden Cambodia National Olympic Committee (CNOC)** selaku Pengerusi SEA Games Federation (SEAGF) dan seterusnya ucapan alu-aluan kedua oleh **Samdech Pichey Sena Tea Banh, Pengerusi Cambodia SEA Games Organising Committee (CAMSOC)**.

Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Chef de Mission mengetuai kontinjen Negara Brunei Darussalam seramai 100 orang terdiri daripada 35 pegawai urusetia / jurulatih / perubatan, dan 65 atlet daripada 12 sukan iaitu *Aquatics Swimming, Athletics, Badminton, Billiards & Snooker, E-Sports* (5 lelaki), *Fencing, Karatedo, Obstacle Race, Pencak Silat, Petanque, Weightlifting* dan *Wushu*

Upacara tersebut dimeriahkan dengan *Parade of Nations* melibatkan sebelas negara-negara Asia Tenggara dan persembahan yang mempamerkan budaya dan masyarakat Kemboja dengan bertemakan **Sports Live In Peace** yang juga membawa makna "The Kingdom will win the hearts of people of Cambodia by inspiring confidence and hope through its commitment in ensuring peace and galvanizing support for our sporting heroes in giving their very best."





# MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SUKAN ASIA TENGGARA KE-32, PHNOM PENH, KEMBOJA.



**Phnom Penh, Kemboja, Jumaat, 14 Syawal 1444 / 05 Mei 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertolak ke Phnom Penh Kemboja bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara Ke-32, yang berlangsung pada hari Jumaat, 05 Mei 2023 bertempat di Morodok Techo National Stadium, Phnom Penh.

Turut hadir ialah Tuan Yang Terutama Pg Kasmirhan bin Pg Haji Tahir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja dan Yang Mulia Pg Mohd Amirrizar bin Pg Hj Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Foto: Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam dan RTBgo.



## KUMPULAN KEEMPAT KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE SUKAN SEA KE-32, PHNOM PENH, KEMBOJA 2023



**Berakas, Sabtu, 15 Syawal 1444 / 06 Mei 2023** - Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, bagi kumpulan keempat iaitu sukan badminton dan wushu telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja.


Seramai 18 orang menyertai kontinjen tersebut terdiri daripada seorang Pegawai Urus Setia, tujuh jurulatih dan atlet sukan badminton; serta 10 jurulatih dan atlet sukan wushu.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## SUKAN SEA KE-32 : ATLET RENANG PEROLEH CATATAN MASA BAHARU

**Phnom Penh, Kemboja, 15 Syawal 1444 / 06 Mei 2023** - Atlet renang kebangsaan Christian Nilles telah memecahkan rekod kebangsaan dengan catatan masa baharu bagi 100 meter gaya bebas lelaki iaitu 54.08 saat manakala Haziq Samil telah mencatat 55.21 saat bagi 100 meter gaya bebas lelaki.





## SUKAN SEA KE-32: ATLET PENCAK SILAT RAIH PINGAT PERAK, GANGSA



**Phnom Penh, Kemboja, Ahad, 16 Syawal 1444 / 07 Mei 2023** - Atlet silat kebangsaan berjaya mengharumkan nama negara di Kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32.

Pada kejohanan itu, pasukan pencak silat seni regu wanita negara telah meraih pingat perak yang terdiri daripada Yang Mulia Dayang Nur Wasiqah Aziemah Rosimah, Yang Mulia Dayang Norleyermah Haji Raya dan Yang Mulia Dayang Anisah Najihah Abdullah memperoleh 9.925 mata. Manakala pasukan pencak silat seni regu lelaki negara yang terdiri daripada Yang Mulia Awang Md Ali Saifullah Hj Md Suhaimi, Yang Mulia Awang Md Hazim Ramlee dan Yang Mulia Awang Md Haziq Aqwan Md Iman Safwan telah meraih pingat gangsa dengan 9.910 mata.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.

Turut hadir menyaksikan ialah Yang Mulia Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## SUKAN SEA KE-32: ATLET KARATE BERJAYA MERAIH



**Phnom Penh, Kemboja, Sabtu, 15 Syawal 1444/06 Mei 2023** — Dua (2) Atlet Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pasukan karate telah berjaya mengharumkan nama negara dengan meraih pingat gangsa di Kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32.

Atlet karate, Yang Mulia Awang Muhd Harith bin Dahlan berjaya menyumbangkan pingat pertama bagi Negara Brunei Darussalam bagi acara Kumite lelaki bawah 55 kilogram manakala Yang Mulia Awang Md Izzuddin Irfan bin Md Faizal meraih pingat gangsa kedua bagi acara Kumite lelaki kategori 84 kilogram ke atas.

## KUMPULAN KELIMA KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE SUKAN SEA KE-32

**Berakas, Isnin, 17 Syawal 1444 / 08 Mei 2023** - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, bagi kumpulan kelima iaitu sukan Esport dan sukan Fencing telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja.

Seramai 11 orang menyertai kontinjen tersebut terdiri daripada 10 atlet dan seorang jurulatih Esport.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.





# PROGRAM PERJALANAN KEBUDAYAAN



**Berakas, Isnin, 17 Syawal 1444 / 08 Mei 2023** - Program Perjalanan Kebudayaan yang diselenggara oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium-Muzium dan Pusat Pembangunan Belia telah diadakan di Dewan Utama, Bangunan Baru, Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama. Perjalanan Kebudayaan mempamerkan Seni Budaya Melayu Brunei, seperti Pakaian 7 Puak, Permainan Tradisional, Sopan Santun, Kuiz Sejarah.

Hadir selaku tetamu khas dalam program berkenaan ialah Yang Mulia Awang Dr. Haji Muhammad Hadi Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei; Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd. Wahab, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Mulia Awang Haji Mohd Abdoh bin Haji Awang Damit, Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian dan Yang Mulia Pengiran Hajah Mahani bin Pengiran Haji Ahmad, Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Jabatan Muzium-Muzium.

Antara aktiviti pengisian program ini ialah taklimat Budaya Brunei, permainan tradisional, asas tarian dan alat musik tradisional, menambat dastar, pelbagai kuiz mengenai warisan dan sejarah Brunei; dan gerai jualan buku terbitan Pusat Sejarah Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Projek ini adalah merupakan projek tahunan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian sebagai langkah pembarigaan dan pelestarian warisan budaya bagi mengukuhkan identiti dan jati diri rakyat negara ini.



## MESYUARAT KE-29 MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN BALI, REPUBLIK INDONESIA



**Bali, Republik Indonesia, 17 Syawal 1444 / 08 Mei 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Mesyuarat Ke-29 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) di Bali, Republik Indonesia pada 7 hingga 8 Mei 2023. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Prof. Dr. Muhadjir Effendy, Menteri Koordinasi bagi Pembangunan Kemanusiaan dan Kebudayaan Republik Indonesia selaku Pengerusi bagi Majlis *ASCC 2023*. Mesyuarat ini juga telah dihadiri oleh rombongan delegasi daripada Republik Timor-Leste, sebagai pemerhati, buat kali pertama.

Semasa Mesyuarat, Menteri-Menteri ASCC telah memberikan sokongan penuh terhadap bagi tema Kpengerusiaan ASEAN iaitu, "*ASEAN Matters: Epicentrum of Growth*", yang antara lainnya mengutamakan dalam memperkukuh kapasiti ASEAN bagi menangani sebarang cabaran di masa hadapan dan kemunculan trend-trend terbaru. Yang Berhormat Dato menyatakan bahawa ini membolehkan ASEAN untuk terus komited dalam mencapai kemakmuran dan kestabilan, dan agar penduduk ASEAN akan terus progresif dan berdaya tahan.

Hala tuju strategik ASCC juga turut dibincangkan, yang mana Yang Berhormat Dato menekankan bahawa pengalaman yang dipelajari dalam menangani pandemik COVID-19, telah membuktikan kepentingan dalam mengukuhkan infrastruktur penjagaan kesihatan ASEAN adalah salah satu komponen kritikal. Dalam hal ini, Yang Berhormat Dato berpuas hati dengan perkembangan positif yang telah dicapai dalam penubuhan *ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases*.

Yang Berhormat Dato juga berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai semasa perundingan untuk penandatangan perjanjian bagi menubuhkan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya berharap untuk bekerjasama rapat dengan semua Negara-Negara Ahli ASEAN dan Rakan-Rakan Dialog dalam meningkatkan peranan ASEAN sebagai pemain sejagat ke arah memerangi perubahan iklim.

Yang Berhormat Dato menyatakan bahawa penekanan berterusan terhadap peranan belia, khususnya dalam menyokong transformasi digital yang lebih luas demi merealisasikan *2030 UN Sustainable Goals* melalui Dialog Belia ASEAN, telah membuktikan bahawa ASEAN harus terus menyediakan platform dan akses kepada belia untuk membangun dan bertindak balas kepada sebarang perubahan landskap kehidupan dan pekerjaan agar setanding dengan megatrend global.

Menurut Yang Berhormat Dato seterusnya, cadangan bagi mengadakan Rangkaian Kampung ASEAN (*ASEAN Village Network*) akan menyediakan *village-to-village platform* dijangka menjadi rangkaian terbuka dan inklusif bagi kampung-kampung di seluruh ASEAN bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan ekonomi bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Mesyuarat juga telah meluluskan dokumen-dokumen ASCC berikut (i) *ASEAN Leaders' Declaration on One Health Initiative*; (ii) *ASEAN Declaration on the Protection of Migrant Workers and Family Members in Crisis Situations*; (iii) *ASEAN Declaration on the Placement and Protection of Migrant Fishers*; and (iv) *ASEAN Leaders Joint Statement on the Establishment of An ASEAN Villages Network*; yang mana akan dihadapkan kepada Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 pada 10 Mei 2023 di Labuan Bajo, Republik Indonesia.

Turut menyertai rombongan delegasi Yang Berhormat Dato adalah Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan beberapa pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIK TURKIYE DAN REPUBLIK ARAB SYRIA



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 19 Syawal 1444 / 10 Mei 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria dengan jumlah keseluruhan sebanyak Dua Puluh Dua Ribu Ringgit (BND22,000.00) daripada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang masing-masing berjumlah BND2,000.00 dan BND20,000.00. Majlis berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menerima sumbangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sumbangan bagi pihak ABDB disampaikan oleh Yang Mulia Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan bagi pihak Kementerian Pertahanan pula disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Hajah Noridah binti Abdul Hamid, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria telah dibukakan kepada orang ramai selama 3 bulan bermula 14 Februari 2023 hingga 14 Mei 2023. Tabung ini merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan telus, serta bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan berkebajikan bagi meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang dilanda bencana alam gempa bumi pada 06 Februari 2023 lalu.



## MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN (HKK) BAGI TAHUN 2023



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 22 Syawal 1444 / 13 Mei 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat mengadakan majlis kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan bagi Tahun 2023 di Masjid Ash-Shaliheen yang disertai lebih dari 100 orang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Ash-Shaliheen, Yang Mulia Awang Haji Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Kemudian majlis diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Nilai-Nilai Kekeluargaan Brunei : Pemedulian, Sayang-Menyayangi, Hormat-Menghormati dan Bertanggungjawab' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Antara inti pati tazkirah adalah menyentuh mengenai Islam telah pun merangkumi nilai-nilai kekeluargaan dengan bercontohkan cara Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hidup berkeluarga.

Turut ditekankan juga bahawa setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Acara diteruskan dengan Solat Fardu Asar Berjemaah dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat Terhindar dari Wabak COVID-19, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Hari Keluarga.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pegawai Daerah, sektor swasta, Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dan Persatuan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).



# SUKAN SEA KE-32: ATLET WEIGHTLIFTING RAIH



**Phnom Penh, Kemboja, Sabtu, 22 Syawal 1444 / 13 Mei 2023** – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan pertandingan angkat berat acara U61 kilogram bagi Lelaki dan U49 kilogram bagi Wanita.

Atlet Angkat Berat Negara Wanita, Yang Mulia Dayang Liyana Safiah binti Haji Sidek berada di kedudukan keempat dalam peringkat akhir acara U49Kg bagi Wanita dengan angkatan secara keseluruhannya 120kg, iaitu 53Kg bagi Kategori Snatch dan 67Kg bagi Kategori Clean and Jerk.

Manakala Atlet Angkat Berat Negara Lelaki, Yang Mulia Awang Mohammad Nashrul bin Haji Abu Bakar meraih tempat keempat dalam acara U61Kg dengan jumlah angkatan secara keseluruhannya 226Kg, iaitu 100Kg bagi Kategori Snatch dan 126Kg bagi Kategori Clean and Jerk.



## MAJLIS PEMBUKAAN PROGRAM JATI DIRI KOHORT KE-3



**Batu Apoi, Temburong, Sabtu, 22 Syawal 1444/13 Mei 2023** - Majlis Pembukaan Program Jati Diri Kohort Ke-3 Bagi Pelajar-Pelajar *iSkill* dan ISQ Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah berlangsung di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong.

Seramai 90 orang pelatih yang terdiri daripada pelajar *iSkill* kohort 3 di bawah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) akan menjalani Program Jati Diri selama 90 hari.

Program selama 90 hari berkenaan adalah sebahagian daripada program *iSkills* dalam *Marking and Fitting*, *iSkill* dalam *Rigging*, *iSkill* dalam *Scaffolding*, dan *iSkill* bagi *Industrial Skills Qualification (ISQ)* dalam Welding di bawah IBTE.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad, Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Program Jati Diri (PJD) adalah usaha kolaborasi antara Sekretariat Tetap *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*, IBTE, dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong; Yang Mulia Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara; dan Yang Mulia Awang Haji Mohammad Shahnoel bin Haji Mohammad Noeh, Ketua Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Kerja (MISC-WG) bagi sektor Tenaga.





## PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KKBS SEMPENA HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2023



Tanggal 15 Mei menandakan Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa yang disambut setiap tahun di seluruh dunia. Selaras dengan pengiktirafan unit keluarga sebagai institusi yang terpenting dalam masyarakat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sambutan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan lagi kesedaran terhadap isu-isu berkaitan dengan keluarga, lebih-lebih lagi dalam konteks tren global dan perubahan semasa yang telah dan terus membawa perubahan signifikan kepada struktur institusi keluarga.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam menyambut Hari Keluarga melalui Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang disambut pada setiap hari Ahad pertama bulan Mei sejak tahun 2012. Sambutan ini telah berjaya meningkatkan lagi kesedaran masyarakat akan kepentingan mengukuhkan dan mempertahankan institusi keluarga. Alhamdulillah, pada tahun ini, kita menyambut Hari Keluarga Kebangsaan yang jatuh pada 7hb Mei 2023 dan telah mengadakan Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2023 pada 13 Mei 2023. Tahun ini, pihak Kerajaan dengan kerjasama rakan-rakan strategik termasuk masyarakat akar umbi telah menyediakan beberapa program dan acara diperingkat kebangsaan, seperti forum, kursus, festival keluarga, teater dan sebagainya.

Tema Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun ini adalah Families and Demographic Change. Sambutan kali ini memberikan peluang untuk berkongsi pengetahuan semasa tentang tren demografi, dan kesannya terhadap institusi keluarga. Ini termasuk isu penuaan (ageing) dan perpaduan antara generasi (inter-generational solidarity); yang memudahkan penganalisaan mengenai kesannya terhadap kehidupan keluarga dan mengesyorkan dasar-dasar keluarga yang lebih responsif untuk bertindak balas terhadap keperluan keluarga di seluruh dunia.

Hubungan antara generasi umumnya digambarkan dengan pengamalan sikap saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab antara satu sama lain. Generasi muda, pertengahan dan tua sentiasa saling menyokong antara satu sama lain. Hubungan yang harmoni antara generasi dalam sesebuah keluarga amat bermakna dalam mengekalkan institusi kekeluargaan.

Oleh itu, amat bertepatan bahawa di peringkat negara, tema yang ditetapkan bagi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan adalah "Keluargaku Harapanku" dan pada tahun ini didokong dengan fokus yang mengetengahkan "Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei: Pemedulian, Sayang-Menyayangi, Hormat-Menghormati dan Bertanggungjawab". Nilai-nilai Kekeluargaan Brunei ini diharap akan dapat memupuk sikap pemedulian dan perhatian terhadap hal ehwal keperluan asasi ahli keluarga, menyayangi mereka agar keharmonian sentiasa dipupuk dan mengelak berlakunya pengabaian terhadap mereka, disamping sentiasa menghormati setiap ahli keluarga dari segi tingkah laku dan percakapan agar hidup berkeluarga sentiasa dalam muafakat dan akhirnya bertanggungjawab secara keseluruhannya dengan memastikan tidak ada ahli keluarga tercicir ("no family member left behind") dalam masa suka atau duka.

Fokus HKK pada tahun ini adalah sebagai salah satu usaha pihak Kerajaan, juga dengan penglibatan agensi swasta, NGOs, sekolah dan institusi mukim dan kampung, untuk menanai Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei yang perlu dimulakan dari peringkat pendidikan awal, supaya ianya menjadi lebih berkesan dan berimpak. Ini termasuk pendedahan, pengajaran, mempraktikkan, dan menjiwai nilai-nilai kekeluargaan Brunei melalui kefahaman bahawa setiap ahli keluarga hendaklah Memedulikan, Menyayangi, Menghormati, dan Bertanggungjawab terhadap seluruh ahli keluarga.

Pihak Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk menyusun strategi, dasar dan program, untuk dilaksanakan secara senegara, bagi meningkatkan perpaduan dan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini mengikut peredaran zaman dan mengikut keperluan keadaan semasa.



Justeru itu, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pelan Tindakan Keluarga dibawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial dikaji semula bagi tahun 2023-2027. Pelan Tindakan Keluarga ini akan menjadi rujukan strategi, dasar dan program bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan kearah meningkatkan perpaduan dan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini.

Pelan Tindakan Keluarga 2023-2027 juga disejajarkan dengan hala tuju dan perisian Social Blueprint Negara Brunei Darussalam, yang mana bidang keluarga sememangnya telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang fokus yang perlu diberikan tumpuan, dan menekankan kepentingan institusi keluarga sebagai unit yang paling asas dalam masyarakat, dan berperanan untuk menyediakan landasan bagi pembangunan modal insan yang akan menggerak pembangunan sesebuah negara.

Usaha diperingkat kebangsaan ini membuktikan lagi pengiktirafan terhadap kepentingan institusi keluarga sebagai tonggak utama bagi memastikan setiap lapisan masyarakat sentiasa hidup dalam keadaan bahagia, berdikari, berdayatahan, tolong-menolong dan yang paling penting, saling hormat menghormati. Keamanan, keadilan, kesejahteraan, sikap toleransi, kasih sayang dan kesejahteraan dalam sesebuah keluarga adalah intipati sebuah keluarga yang Sakinah Mawaddah Warahmah. Inilah hasrat dan tanggungjawab kita bersama.


Adalah diharapkan agar semua pihak sama ada dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, swasta, pertubuhan dan persatuan-persatuan, institusi-institusi, penghulu dan ketua kampung serta pemimpin akar umbi agar terus memberikan komitmen serta kerjasama yang bersepadu terutama dalam menggerakkan acara-acara sambutan Hari Keluarga sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat ataupun kumpulan keluarga masing-masing.

Sememangnya, institusi keluarga yang bahagia adalah mustahak kepada pembangunan negara kerana keluarga bahagia menjamin kesinambungan generasi masa depan negara. Dengan itu, harapan kitani bersama ialah agar semua keluarga menjadi keluarga yang ceria, sehat, beramanah dan bertanggungjawab terhadap satu sama lain, serta masyarakat secara umumnya. Adalah penting bagi kita untuk terus menjaga dan meningkatkan kehidupan yang lebih selesa bagi keluarga dengan pendekatan bersepadu setiap agensi dan melalui tanggungjawab sosial seluruh masyarakat. Setiap ahli keluarga memainkan peranan untuk saling bantu-membantu dalam memenuhi keperluan fizikal dan emosi masing-masing.

Insyaa Allah, dengan adanya usaha dan kerjasama berterusan ini, dan dengan memanjatkan doa ke Hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, semoga kita akan terus maju dalam rukun damai demi Raja, Negara, Bangsa dan Ugama di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai negara Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur.




**Selamat Hari Keluarga Antarabangsa 2023  
kepada semua keluarga di Negara Brunei Darussalam.**

**"Keluarga Brunei:  
Pemedulian, Sayang-Menyayangi, Hormat-Menghormati dan Bertanggungjawab"**





## SUKAN SEA KE-32: ATLET E-SPORT MENYERTAI (PUBG) MOBILE MIXED INDIVIDUAL PERINGKAT AKHIR



**Phnom Penh, Kemboja, Isnin, 24 Syawal 1444 / 15 Mei 2023** – Lima (5) atlet e-sports telah menyertai *Player Unknown's Battleground (PUBG) Mobile Mixed* Individual pada peringkat akhir di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32.

Setiap atlet telah memberikan permainan '*game*' yang terbaik dan berjaya merekodkan pencapaian yang tertinggi iaitu top 15 melalui Yang Mulia Awang Md Danish Hageeme Hizami bin Muhaimin (Chewie).

## MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 25 Syawal 1444/16 Mei 2023** - Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan mengadakan mesyuarat pertama hari ini bagi membincangkan persediaan-persediaan bagi menyambut Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) kali ke-sebelas yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa berkenaan. Dalam ucapannya, Dayang Hajah Nor Ashikin menekankan bahawa sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara Whole of Nation bagi menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga untuk mengatasi segala cabaran dan gejala sosial.

Beliau juga menekankan bahawa sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) merupakan salah satu inisiatif utama dalam Pelan Tindakan Keluarga di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS). Selaku Pengerusi Bersama, beliau mengharapkan agar semua pihak, sama ada dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan, institusi-institusi, para penghulu dan ketua kampung, serta pemimpin akar umbi masyarakat, berganding bahu untuk terus sama-sama bekerjasama, dalam memberikan komitmen yang sepadu, terutama sekali dalam menggerakkan acara-acara sambutan, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat, ataupun kumpulan keluarga masing-masing, untuk mencapai matlamatnya.

## MAJLIS PENUTUPAN RASMI SUKAN ASIA TENGGARA KE-32, 2023 PHNOM PENH, KEMBOJA



**Phnom Penh, Kemboja, 26 Syawal 1444 / 17 Mei 2023** - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, *Honorary Life President SEA Games Federation (SEAGF)* dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke **Majlis Penutupan Rasmi Sukan Asia Tenggara Ke-32, 2023** yang telah diadakan di *Morodoc Techo National Stadium, Phnom Penh* bermula jam 7.00 malam waktu tempatan.

Upacara Penutupan Rasmi Sukan Asia Tenggara ke-32, 2023 telah ditutup secara rasmi oleh **Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen, Perdana Menteri Negara Kemboja**. Menyampaikan ucapan di acara penutup resmi ini ialah His Excellency Dr Thong Khun, *Presiden Cambodia National Olympic Committee (CNOOC)* selaku Pengerusi *SEA Games Federation (SEAGF)* dan diikuti seterusnya oleh Samdech Pichey Sena Tea Banh, Pengerusi *Cambodia SEA Games Organising Committee (CAMSOC)*.

Negara Kemboja buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi temasya sukan yang terbesar di Asia Tenggara ini telah berjaya menganjurkan temasya sukan SEA selama tiga belas (13) hari. Temasya sukan ini telah mempertandingkan 36 jenis sukan yang mengandungi 579 acara dengan keramaian 10,890 penyertaan yang terdiri daripada atlet dan pegawai dari 11 Negara. Temasya sukan ini berakhir dengan Negara Vietnam menjuarai punggutan pingat dengan jumlah 136 pingat Emas, 105 pingat Perak dan 118 pingat Gangsa. Manakala Negara Thailand telah mendapat tempat kedua dengan punggutan 108 pingat emas, 96 Pingat Perak dan 108 pingat gangsa. Indonesia berada ditempat ketiga dengan punggutan 87 pingat Emas, 80 Pingat Perak dan 109 pingat gangsa. Negara Cambodia telah menempatkan kedudukan mereka di tempat ke – empat (4) dengan punggutan 81 pingat Emas, 74 pingat Perak dan 127 pingat Gangsa mendahului Philippines, Singapore dan Malaysia.

Negara Brunei Darussalam pada kali ini berada di kedudukan ke – 10 dengan punggutan 2 pingat Emas, 1 pingat Perak dan 6 pingat Gangsa dan telah berjaya memperbaiki punggutan pingat yang diperolehi di edisi Sukan SEA 2021. Kedua-dua pingat Emas dan satu gangsa adalah sumbangan acara sukan Wushu. Manakala sukan Pencak Silat, Karate dan Badminton telah masing-masing menyumbangkan pingat-pingat perak dan gangsa.

Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Chef de Mission mengetuai kontinjen Negara Brunei Darussalam seramai 100 orang terdiri daripada 65 atlet dan 35 pegawai urusetia / jurulatih / perubatan. Penyertaan 65 atlet tersebut adalah daripada 12 sukan iaitu *Aquatics Swimming, Athletics, Badminton, Billiards & Snooker, E-Sports, Fencing, Karatedo, Obstacle Race, Pencak Silat, Petanque, Weightlifting* dan Wushu.

Upacara penutupan rasmi Temasya Sukan SEA ke 32 tersebut telah dimeriahkan dengan perbarisan lalu atlet dan pegawai sukan dari sebelas buah negara-negara Asia Tenggara dan kumpulan sukarelawan serta persembahan muzikal "*See You Again*" dan "*The Great Soul Kun Bokator*" yang memaparkan simbol seni mempertahankan diri masyarakat Kemboja.

Negara Thailand akan menjadi negara tuan rumah Temasya Sukan Asia Tenggara kali ke 33 yang dijangka akan diadakan dari 9 hingga 20 Disember tahun 2025. Temasya sukan ini dijangka akan diadakan di tiga wilayah negara tersebut iaitu Bangkok, Chonburi dan Songkhla.





## MAJLIS PELANCARAN FESTIVAL PERMAINAN TRADISI BRUNEI SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023



**Bandar Seri Begawan, Khamis, 27 Syawal 1444 / 18 Mei 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Muzium-Muzium (JMM) telah mengadakan Majlis Pelancaran Festival Permainan Tradisi sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 dengan menetengahkan beberapa permainan-permainan tradisi di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Hadir bagi menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dengan tema 'Melestarikan Permainan Tradisi Kitani', festival Permainan Tradisi ini diharap dapat memberi impak positif dalam memperkukuhkan, memelihara dan memulihara warisan budaya dan identiti Negara Brunei Darussalam yang unik.

Dengan memperkenalkan dan membarigakan tradisi dan warisan budaya melalui pameran dan festival seperti ini memberi ruang kepada orang ramai untuk mengetahui serta memahami tentang warisan negara kitani dan sekali gus menerapkan nilai-nilai teras kebruneian agar identiti kitani sebagai orang Brunei akan mengalir ke dalam hidup masyarakat negara ini.

Festival Permainan Tradisi ini memperkenalkan permainan-permainan tradisi yang jarang dipraktikkan dan tidak diketahui oleh generasi baharu.

Festival diisi dengan pameran, demonstrasi dan tunjuk ajar permainan tradisi, jualan produk kraf tangan dan seni dan jualan terbitan Jabatan Muzium-Muzium.

Turut menambah kemeriahan festival ialah penglibatan beberapa institusi swasta termasuk Majlis Perundingan Kampung dan Persatuan-persatuan yang terlibat dalam festival ini termasuk Persatuan Kikik NBD (PEKIKIK), Persatuan Gasing Kebangsaan (PERGAB), Persatuan Sepak Takraw NBD (PESTABARU) dan jualan kraf tangan daripada Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara permainan-permainan yang diketengahkan antaranya seperti Pasang bersaiz gergasi, kereta kirikan benang, kuit, kayu tiga, gatah berturus, salok-salokan, gasing pelajau, rising, simban, main gajah, kirut-kirut siding dan bermacam lagi.

## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN ABDB & PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



**Bandar Seri Begawan, Khamis, 27 Syawal 1444 / 18 Mei 2023** - Satu majlis penyerahan bantuan kewangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada 24 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian tanah susur, banjir, angin kencang, kebakaran dan rumah roboh telah diadakan hari ini yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada 13 orang pegawai dan tenaga kerja daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dalam usaha membaikpulih rumah di bawah Projek Bersepadu JAPEM dan Projek Titian Amal sempena Ulang Tahun ABDB yang ke-61.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan bantuan kewangan dan sijil penghargaan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai 16 orang ketua keluarga daripada 24 yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, sebuah keluarga terlibat dalam kejadian tanah susur, dua (2) keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, tiga (3) keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh dan dua (2) keluarga terlibat dalam kejadian angin kencang.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian-kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa berkenaan, pihak kerajaan telah menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka yang terlibat demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.





## MAJLIS PENGHARGAAN BAGI PESARA-PESARA KKBS DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 2021 & 2022



**Jerudong, Sabtu, 29 Syawal 1444 / 20 Mei 2023** – Majlis penghargaan bagi pesara-pesara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun 2021 dan 2022 telah diadakan pada hari ini di Ruang Legar VIP Lounge, Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir bagi menyempurnakan majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir bagi menyempurnakan majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir bagi menyempurnakan majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.

Seramai 108 orang pesara-pesara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun 2021 dan 2022 telah menerima.

Turut hadir Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## PENCALONAN BERSAMA KEBAYA KE UNESCO



**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Sabtu, 29 Syawal 1444/20 Mei 2023** - Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand bersetuju mengangkat kebaya sebagai pencalonan bersama ke Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNESCO*) di bawah kategori ***Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity***.

Ini merupakan pencalonan pertama bagi Negara Brunei Darussalam dan juga pencalonan bersama melibatkan lima buah negara. Semua negara tersebut telah berbincang dan bersetuju untuk bekerjasama bagi pencalonan bersama kebaya. Kebaya juga mewakili dan meraikan kekayaan warisan bersama, menggalakkan pemahaman antara budaya agar terus kekal dikongsi, dipelajari, diamalkan oleh wanita dari pelbagai komuniti tidak mengira peringkat umur, latar belakang dan agama di seluruh Asia Tenggara.

Pencalonan kebaya ini diusulkan oleh Malaysia dan dibincangkan sebagai sebahagian daripada siri mesyuarat kerja di antara Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Beberapa perbincangan dan perjumpaan bersama perwakilan daripada agensi yang berkenaan, elit budaya dan wakil dari tujuh puak telah diadakan untuk mendapatkan sokongan komuniti yang merupakan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi dalam menghadapi pencalonan.

Ke arah pencalonan ini, Bengkel Penyediaan Borang Pencalonan Kebaya ke *UNESCO* telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2022 di Port Dickson, Negeri Sembilan, 7 hingga 8 Februari 2023, di Jakarta, Indonesia dan bengkel secara dalam talian pada 8 Mac 2023 yang dipengerusikan oleh Singapura.

Keputusan bagi pencalonan ini akan diketahui semasa ***the 19th Session of the Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*** pada tahun 2024.

*UNESCO* di bawah Konvensyen 2003 bagi Melindungi Warisan Budaya Tak Ketara amat menitikberatkan pencalonan secara bersama untuk menjadikan budaya sebagai platform persefahaman dan dialog bersama, sekali gus menjadikan proses penyenaiaan sebagai peluang untuk kerjasama strategik di peringkat antarabangsa.





## KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE AMERIKA SYARIKAT



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 2 Zulkaedah 1444/22 Mei 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima Kunjungan Hormat daripada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam Ke Amerika Syarikat.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan dan Perkembangan Hal Ehwal Antarabangsa.

Pada kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi perhatian dan kepentingan bersama.



# MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIK TURKIYE DAN REPUBLIK ARAB SYRIA



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 2 Zulkaedah 1444/22 Mei 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria dengan jumlah keseluruhan sebanyak **Empat Puluh Satu Ribu Satu Ratus Tiga Puluh Sembilan Ringgit (BND41,139.00)** daripada tujuh agensi iaitu; Kementerian Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Syarikat Takaful Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam.

Hadir menerima sumbangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat Bersama tabung berkenaan.





## Sumbangan Muka Surat 27



- Sumbangan bagi pihak **Kementerian Pendidikan** disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Azman bin Ahmad, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan berjumlah **BND13,947.00**
- Bagi pihak **UBD** pula disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Hazri bin Haji Kifle, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam berjumlah **BND5,000.00**.
- Sumbangan daripada **UTB** disampaikan oleh Yang Mulia Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hjh Zohrah binti Haji Sulaiman, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei sebanyak **BND3,000.00**
- Bagi pihak **UNISSA** disampaikan oleh Yang Mulia Prof Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad, Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebanyak **BND3,000.00**
- **Syarikat Takaful Brunei Darussalam** pula disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Suffri bin Pengiran Haji Hashim, Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat Syarikat Takaful Brunei Darussalam berjumlah **BND10,192.00**
- **Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam** disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Suhaimi Haji Ibrahim, Sekretari Jeneral Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam berjumlah **BND1,000.00** dan;
- Sumbangan bagi pihak **Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam** pula disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hassanah binti Haji Hassan, Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita berjumlah **BND5,000.00**.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

**KUNJUNGAN HORMAT  
TUAN YANG TERUTAMA DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK KEMBOJA  
DI BRUNEI DARUSSALAM**



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 3 Zulkaedah 1444/23 Mei 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima Kunjungan Hormat daripada Tuan Yang Terutama Lim Hokseng, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Cambodia di Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan). Pada kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi perhatian dan kepentingan bersama.





# TAKLIMAT PEMBERIGAAAN SISTEM PERKHIDMATAN E-MEL KERAJAAN BAHARU BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA



**Berakas, Rabu, 03 Zulkaedah 1444 / 27 Mei 2023** - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Perhubungan dan Info-Kuminukasi dengan sokongan Cyber Security Brunei (CSB) telah mengadakan jerayawara Taklimat Pemberigaaan Sistem Perkhidmatan E-mel Kerajaan baharu. Taklimat diadakan di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir mengetuai rombongan ialah pengarah pusat berkenaan, Yang Mulia Dayang Mazriyani binti Haji Abd Ghani. Sebanyak dua sesi taklimat disampaikan di jerayawara berkenaan, iaitu Taklimat 'Sistem Perkhidmatan E-mel Kerajaan Baharu' yang disampaikan oleh pegawai dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, dan Taklimat "*Email Security Awareness*" yang disampaikan oleh pegawai dari Cyber Security Brunei. Jerayawara ini juga diisi dengan klinik '*Email Archiving*' dan sesi soal jawab.

Jerayawara ini dihasratkan untuk mempersiapkan pengguna dengan tatacara pengemaskinian dan pengarkiban bagi memastikan kelancaran pemindahan sistem e-mel dan kesedaran mengenai keselamatan siber. Sistem baharu e-mel kerajaan ini akan mula dilancarkan pada 1 Jun 2023.

Hadir menyaksikan taklimat berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Pengiran Haj Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Alihassan, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan dibawahnya.



# 11TH ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (AMMSWD) AND RELATED MEETINGS



**Kuala Lumpur, Malaysia, 5 Zulkaedah 1444 / 25 Mei 2023** – Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial telah diadakan melalui persidangan video pada 25 Mei 2023 dengan tema, "**Accelerating ASEAN's Commitments for Gender Equality and Inclusivity through Gender Mainstreaming and Social Inclusion**". Mesyuarat dihadiri oleh semua Menteri ASEAN yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan pembangunan sosial dan Setiausaha Agung ASEAN.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Pada mesyuarat tersebut, Menteri-menteri antara lain mengesahkan semula komitmen ASEAN untuk menggalakkan kesaksamaan jantina melalui *gender mainstreaming* dan *social inclusion* di rantau ASEAN selaras dengan ASEAN Community Vision 2025 dan ASEAN Socio-Cultural Community Blueprint 2025 serta pelbagai deklarasi dan pelan tindakan ASEAN.

ASEAN seterusnya menekankan pelaksanaan komitmen yang berkesan dan cepat adalah penting untuk mencapai Agenda Pembangunan UN 2030.

Dalam ucapan, Yang Berhormat Dato mengalu-alukan tema tahun ini dan mengongsikan bahawa memperkasakan wanita, yang merangkumi 47 peratus dari jumlah penduduk adalah kunci untuk membuka potensi penuh bagi usaha pembangunan negara, dan dengan itu, kemajuan wanita dan kanak-kanak perempuan adalah diutamakan dalam agenda negara.

Yang Berhormat Dato seterusnya mengongsikan penglibatan tinggi wanita dalam penggubalan dasar awam, sementara itu, di sektor swasta, berdasarkan 2021 ASEAN Gender Outlook, laporan bersama antara ASEAN dan UN Women menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai nisbah penjawat wanita dalam peringkat eksekutif tertinggi dirantau ini. Sungguhpun dengan kemajuan sedemikian, Negara Brunei Darussalam mempunyai komitmen untuk memajukan pembangunan wanita, dan mengongsikan mengenai Kajian Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam yang mana baru sahaja selesai dijalankan selama satu tahun.

Yang Berhormat Dato seterusnya menegaskan akan manfaat *social inclusion* dan perlindungan sosial yang meluas untuk semua segmen masyarakat ke arah memastikan kualiti hidup yang mampan dan tinggi, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, dan berkongsi mengenai beberapa penambahbaikan kepada dasar dan perundangan kebajikan sosial di Negara Brunei Darussalam.





Ini termasuk pindaan kepada Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Hilang Upaya dan undang-undang baru mengenai Perintah Orang Kurang Upaya, kedua-duanya berkuatkuasa pada 1 Oktober 2021 dan telah memperkenalkan faedah baharu dan perlindungan sosial untuk golongan warga emas dan orang kelainan upaya.

Disamping itu, Yang Berhormat Dato juga mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam di fasa akhir penggubalan Social Blueprint bagi Wawasan Brunei 2035 khususnya ke arah pencapaian Matlamat 2: Kualiti Kehidupan Tinggi. Blueprint ini bertujuan untuk menjadi dokumen yang komprehensif dan strategik yang akan membimbing dasar dan strategi pihak berkepentingan bagi memastikan pembangunan sosial di Negara Brunei Darussalam adalah mampan, inklusif dan berdaya tahan. Selain daripada terus menangani keperluan asas dan kebajikan rakyat, Blueprint ini juga akan menambah baik dan memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat, serta membangunkan dan memperkasakan masyarakat yang berdaya tahan.

Yang Berhormat Dato juga mengalu-alukan keazaman bersama ASEAN untuk mengukuhkan institusi keluarga khususnya melalui Bandar Seri Begawan Declaration on the Importance of Family for Community Development and Nation Building, yang memperkukuh strategi keseluruhan ASEAN bagi meningkatkan lagi kesejahteraan, ketahanan dan perpaduan keluarga. Yang Berhormat Dato menekankan bahawa keluarga yang teguh memainkan peranan penting dalam membina komuniti yang mantap dan negara yang berdaya tahan, dan oleh yang demikian, usaha hendaklah bukan sahaja tertumpu kepada individu, tetapi juga kepada ekosistem yang lebih luas.

The 7th ASEAN Plus Three Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (7th AMMSWD+3) telah diadakan pada sebelah petang pada 25hb Mei 2023, yang dihadiri oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kebajikan dan pembangunan sosial dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea. Antara lain, Menteri-menteri mengulangi komitmen untuk mengukuhkan lagi dan memperdalam kerjasama ASEAN Plus Three dan menggariskan sifat saling memperkukuh dan saling melengkapi dalam ASEAN Plus Three dan rangka kerja lain yang diterajui oleh ASEAN.

Mesyuarat didahului oleh 2nd ASEAN Outstanding Social Welfare and Development Awards (AOSWADA) yang telah diadakan pada 24 Mei 2023 melalui persidangan video, yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada Non-Governmental Organisations / Civil Society Organisations (NGOs/CSOs) dan syarikat-syarikat swasta dari Negara Anggota ASEAN yang telah memberi sumbangan signifikan dalam bidang kebajikan dan pembangunan sosial. Bagi tahun ini, SMARTER Brunei telah menerima Anugerah AOSWADA bagi Kategori Pertubuhan NGO/CSO, manakala Bank Baiduri menerima Anugerah AOSWADA bagi Kategori Sektor Swasta sebagai mengiktiraf sumbangan mereka dalam bidang kebajikan dan pembangunan sosial di Negara Brunei Darussalam yang memberi manfaat kepada orang kelainan upaya, kanak-kanak dan belia.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## WIRA FAJAR DIDIK BELIA SEMBAHYANG BERJEMAAH



**Seria, Jumaat, 6 Zulkaedah 1444 / 26 Mei 2023.** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengunghkayahkan Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1444H / 2023M bertempat di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong 3 Selatan.

Hadir pada program tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program diisikan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh YM Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith, Imam Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, dan diikuti dengan tazkirah Subuh bertajuk, 'Belia dan Keluarga' disampaikan oleh Yang Mulia Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit, Pegawai Ugama i-Ready, Pusat Da'wah Islamiah.

Wira Fajar diselajarkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Belia Masjid, Yang Mulia Awang Muhammad Irfan bin Haji Abdul Gapar serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dikepalai oleh Imam Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria dan diakhiri dengan Sembahyang Sunat Dhuha.

Majlis turut disertai seramai lebih 200 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Pegawai-pegawai Kerajaan; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-belia Masjid serta penduduk sekitar STKRJ Lorong 3 Selatan Seria.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid ini dihasrat dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Turut hadir, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, KHEU; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pemangku Pegawai Daerah Belait; serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN PARA ASEAN KE-12, KEMBOJA 2023



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 7 Zulkaedah 1444H/27 Mei 2023M.** – Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Para ASEAN Ke-12, Kemboja 2023 yang akan diadakan secara rasminya bermula pada 3 hingga 9 Jun 2023.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 23 orang terdiri daripada 12 orang atlet dan 11 orang pegawai termasuk Chef de Mission, ketua urus setia, pegawai urus setia, pegawai perhubungan, fisioterapi, jurulatih dan penolong jurulatih.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Para ASEAN Ke-12, Kemboja 2023 telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Majlis. Majlis diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat dan diselajurkan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam oleh tetamu kehormat kepada Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor selaku *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN Ke-12, Kemboja 2023. Sebelum majlis berakhir, Doa Selamat telah dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Turut hadir dimajlis berkenaan ialah Tuan Yang Terutama Lim Hokseng, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS; Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS; Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS; ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan; serta para ibu-bapa dan penjaga.

Edisi Sukan Para ASEAN kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak 3 acara sukan daripada 12 sukan yang dipertandingkan iaitu Olahraga, Badminton dan Renang.

Negara Brunei Darussalam mula mengikuti Sukan Para ASEAN pada tahun 2001. Hingga ke hari ini negara telah berjaya memperolehi 37 pingat emas, 41 pingat perak dan 58 pingat gangsa secara keseluruhan, di mana pencapaian terbaik negara ialah pada tahun 2009 di Kuala Lumpur, Malaysia dengan meraih 9 pingat emas, 5 pingat perak dan 7 pingat gangsa. Kali terakhir Negara Brunei Darussalam menyertai Sukan Para ASEAN ialah pada tahun 2022 di Solo, Indonesia dengan memperolehi 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa.

## KEJOHANAN BOLA JARING ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM (HPA) KE-29 TAHUN 2022



**Bandar Seri Begawan, Ahad, 8 Zulkaedah 1444 / 28 Mei 2023** - Kementerian Pendidikan Berjaya mengekalkan gelaran juara menerusi Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29 Tahun 2022 bagi Kategori Terbuka edisi kali ini.

Kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah menyaksikan juara memenangi enam perlawanan dengan sistem 'round robin' yang disertai sebanyak lapan kementerian.

Sementara itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menduduki tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Manakala, bagi Kategori Veteran pula, pasukan Kementerian Pembangunan merangkul gelaran juara, diikuti dengan Kementerian Kesihatan di tempat kedua, dan Kementerian Pendidikan di tempat ketiga.

Hadir menyaksikan perlawanan tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.







Terdahulu itu, pada perlawanan di antara Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Pembangunan, kedua-dua pasukan terpaksa berkongsi mata apabila terikat dengan jaringan 9 - 9.

Dalam perlawanan di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) pula, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berjaya mengalahkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan jaringan 22 - 4, diikuti dengan perlawanan di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang berkesudahan kemenangan berpihak kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan jaringan 15 - 12.

Manakala, dalam perlawanan Kementerian Pendidikan menentang Kementerian Kesihatan berkesudahan dengan jaringan 15 - 9.

Kejohanan Bola Jaring sempena HPA Ke-29 Tahun 2022 merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNA).

Kejohanan tersebut dianjurkan selama empat hari bermula 19, 21, 26 dan 28 Mei 2023 dan disertai oleh lapan kementerian terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pembangunan, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Turut hadir menyaksikan kejohanan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Yang Mulia Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang) Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; dan Yang Dipertua BNA, Yang Mulia Leftenan Kolonel (B) Dayang Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili; serta para pegawai kanan kerajaan.



## MAJLIS DOA SELAMAT BAGI BAKAL-BAKAL JEMAAH HAJI BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN YANG AKAN MENUNAIKAN FARDU HAJI BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1444H/2023M



**Bandar Seri Begawan, Isnin, 09 Zulkaedah 1444/29 Mei 2023** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, mengadakan Majlis Doa Selamat bagi 11 orang pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya yang akan menunaikan Ibadat Fardu Haji bagi Musim Haji Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, Bangunan KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat Menunaikan Haji yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Masfourteen bin Awang Haji Mohd Yusof, Ketua Guru Ugama, Pusat Pembangunan Belia.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian sumbangan derma daripada warga KKBS kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan.

Majlis ini diadakan bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal jemaah haji warga KKBS diberikan haji yang mabrur, perlindungan, keselamatan dan kesejahteraan pergi dan balik, serta dipermudahkan segala urusan semasa menjadi tetamu Allah di tanah suci.

Pada tahun ini, seramai 11 orang warga KKBS akan menunaikan ibadah fardu haji, dua (2) dari Kementerian, dua (2) dari Dewan Bahasa dan Pustaka, tiga (3) dari Jabatan Belia dan Sukan, dua (2) dari Jabatan Muzium-Muzium, dan dua (2) dari Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Alihassan, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya.





## PROGRAM BISAI : "KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN, MENGATUR WAKTU DAN TENAGA YANG SEIMBANG ANTARA PEKERJAAN DAN KEHIDUPAN"



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 10 Zulkaedah 1444H/30 Mei 2023M** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan sesi Program Bicara Inspirasi (BiSAI) Tahun 2023 bagi warga Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Program BiSAI hari ini membawakan Forum bertajuk **"Keseimbangan Kerja dan Kehidupan, Mengatur Waktu Dan Tenaga Yang Seimbang Antara Pekerjaan Dan Kehidupan"** Forum telah berlangsung di Dewan Di-Gadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut menghadiri forum ini ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Kementerian ini telah menjemput dua (2) panel khas terdiri dari **Yang Mulia Dayang Nor Syahmun binti Haji Matasan, Pegawai Psikologis, Kementerian Kesihatan** dan **Yang Mulia Ustaz Isham bin Ismail, Pegawai Perkembangan Uagama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Uagama**. Manakala Yang Mulia Dayang Nabeelah Hafizah binti Dr Awang Zainal, Pegawai Audit Dalam (i-Ready) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku moderator.

Forum pagi ini, memfokuskan kepada kesedaran mengenai bagaimana untuk mencapai keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan (*work-life balance*) khususnya dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam dan dari sudut perspektif Islam.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif Pelan Tindakan Strategi Sumber Tenaga Manusia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI), iaitu program yang diisi dengan ceramah keagamaan dan ceramah motivasi yang dihasratkan dapat meningkatkan semangat bekerja dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan. Program ini juga usaha KKBS dalam menjadikan kementerian ini sebagai sebuah Organisasi Pembelajaran (*Leading Organisation*).



## SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2023, FORUM WIT (WOMEN IN TECH)



**Berakas, Selasa, 10 Zulkaedah 1444 / 30 Mei 2023** – Bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023, Forum W-IT (*Women in Tech*) telah diadakan pagi tadi selaras dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu "Inovasi Digital dan Teknologi Untuk Semua" atau "*DigitALL: Innovation and Technology*". Forum ini dianjurkan dengan kerjasama Women Techmakers Brunei di Dewan Press Conference, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah JAPEM. Dalam ucapannya, beliau menyatakan mengenai keutamaan inovasi dan teknologi untuk menggalakkan lebih ramai wanita menjadi inovator dan usahawan yang mampan. Beliau juga mengharapkan forum ini dapat meningkatkan kesedaran akan penggunaan teknologi dengan cara yang berfaedah dan selamat.

Acara kemudian diteruskan dengan tayangan video mengenai pencapaian dan perkembangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Seramai lebih daripada 100 orang telah menyertai forum ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan, Ahli-ahli Jawatankuasa Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, rakan-rakan strategik termasuk dari sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan, serta penuntut-penuntut sekolah.

Forum dikendalikan oleh Yang Mulia Dayang Saedah binti Haji Hasnal, Duta Women Techmakers Brunei selaku moderator dan ahli-ahli panel terdiri daripada Yang Mulia Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff, Pengerusi InfoCom Federation Brunei (IFB) dan Pengerusi Bersama Manpower Industry Steering Committee for ICT Sector (MISC IT); Yang Mulia Dayang Nurul Haniah Haji Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sendirian Berhad; dan Yang Mulia Dayang Aleeya Farhanah binti Haji Mohd Azim, Penuntut Pusat Tingkatan Enam Sengkurong yang telah memenangi pertandingan "*Brunei ICT Awards 2021*" dan "*ASIA Pacific ICT Awards 2023*".



Antara isu yang diketengahkan dalam forum berkenaan ialah;

- Cabaran serta peluang untuk mengembangkan dan menggalakkan golongan wanita dan kanak-kanak perempuan untuk menceburi bidang teknologi;
- Kepentingan penggunaan teknologi dalam semua bidang termasuklah bidang kesihatan, perniagaan dan kehidupan seharian;
- Peranan teknologi membuat perubahan dan impak yang besar kepada masyarakat, termasuk peluang pekerjaan dan meningkatkan lagi kualiti kehidupan;
- Golongan wanita dan perempuan muda yang ingin menceburi kerjaya dalam bidang teknologi diseru agar tidak mudah berputus asa dan sentiasa berfikiran positif; dan
- Kepentingan untuk memastikan semua lapisan masyarakat, termasuk golongan yang memerlukan, juga tidak terkecuali dari meraih faedah teknologi.

Acara diakhiri dengan penyampaian Sijil Penghargaan kepada moderator dan ahli-ahli panel forum oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir menyertai forum tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusra bin Haji Mohd Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Mulia Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, Naib Canselor, Universiti Teknologi Brunei.



## SUDUT BACAAN : PUPIK BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MASYARAKAT



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 10 Zulkaedah 1444 / 30 Mei 2023** - Perkhidmatan Sudut Bacaan merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha meluaskan lagi jangkauannya kepada orang ramai dengan menyediakan pelbagai bahan bacaan di tempat-tempat strategik dan mudah diakses oleh orang ramai dan para pencinta buku.

Antara objektif utama perkhidmatan ini ditubuhkan adalah untuk melestarikan pembelajaran sepanjang hayat ke arah melahirkan rakyat Brunei yang bermaklumat, berkemahiran dan berpengetahuan.

Selain itu, perkhidmatan ini juga bertujuan untuk menggalakkan dan membudayakan sikap gemar dan suka membaca dalam kalangan masyarakat tidak kira di mana sahaja mereka berada sama ada di gedung-gedung perniagaan, pusat-pusat akademik, kafe, rumah-rumah riadah dan sebagainya.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sudut Bacaan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) berlangsung di pusat berkenaan, di Jalan 77 Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan perasmian berkenaan, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sudut Bacaan PKWE tersebut menyediakan bahan bacaan yang berkaitan dengan keagamaan, masakan, jahitan dan sulaman serta buku novel.

Kira-kira 120 buah buku dalam bahasa Melayu disediakan dan buku-buku berkenaan akan ditukar setiap dua bulan sekali mengikut keperluan dan permintaan pihak PKWE.





Sementara itu, Majlis Perasmian Sudut Bacaan juga diadakan di Learners' Bar Enterprise di Kampung Kiulap, di sini dan perasmianya disempurnakan oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sudut bacaan di *Learners' Bar* ini menyediakan bahan bacaan yang berkaitan dengan bidang berseuaian dan diperlukan seperti buku-buku berbentuk pendidikan, kertas soalan peperiksaan lepas (past year paper) daripada peringkat PSR, SPE, O-Level, SPUB, A-Level dan STPUB bertujuan bagi memudahkan para pelanggan *Learners' Bar* membuat ulang kaji pelajaran mereka di kafe tersebut.

Lebih kurang 300 buah bahan pembelajaran disediakan di *Learners' Bar* dan ditukar setiap dua bulan mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Dengan adanya perkhidmatan ini, para penggunanya akan lebih kreatif dalam menjana gagasan baharu serta mampu membangunkan tamadun negara dari segi keilmuan, sosial dan ekonomi.

Masyarakat akan keperibadian mulia, berfikiran matang dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi melalui amalan membaca.

Perkhidmatan Sudut Bacaan adalah merupakan kolaborasi dan kerjasama antara DBP dengan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam menyediakan pelbagai bahan bacaan seperti buku-buku pembelajaran, buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen, kertas-kertas soalan peperiksaan dan sebagainya khusus bagi pengunjung yang menggunakan fasiliti sesebuah badan, persatuan atau syarikat tersebut.

Syarikat-syarikat atau persatuan yang ingin memohon Perkhidmatan Sudut Bacaan ini bolehlah menghubungi pihak Perpustakaan DBP menerusi talian +673 2235501 atau berkunjung terus ke mana-mana cawangan Perpustakaan DBP di seluruh negara.



## MAJLIS SESI "PITCHING" DAN PENYAMPAIAN SIJIL TAMAT PROGRAM YDC LIGHTS ON V/2023



**Jerudong, Selasa, 10 Zulkaedah 1444, bersamaan 30 Mei 2023, Selasa** – Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Sesi "Pitching" dan Penyampaian Sijil Tamat Program YDC *Lights On V/2023* dan bertempat di Kompleks Sukan Jerudong pada hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebelitaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah. Majlis diteruskan dengan ulasan keseluruhan dari Ketua Panel Juri dan pengumuman tiga (3) peserta terbaik dalam pembentangan rancangan plan perniagaan dan sijil-sijil penghargaan kepada semua peserta.

Seramai 11 orang Usahawan dari Program ini menerima Sijil Tamat Program bagi Program YDC *Lights On* Kali ke-5 Tahun 2023. Manakala lima (5) orang peserta Program membentangkan rancangan plan perniagaan mereka dalam bidang seperti agri makanan, fotografi serta videografi dan kesihatan. Sesi *pitching* telah dibentangkan di hadapan panel juri jemputan dari GLC serta industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang perolehan, pemasaran, dan pembangunan perniagaan di Negara ini.

Antara kriteria pemilihan yang di ambil kira oleh panel juri semasa sesi *pitching* termasuk pengurusan kewangan dalam perniagaan; kualiti produk, perkhidmatan dan pembungkusan; plan perniagaan yang mempunyai *sustainability*; kemahiran dalam penggunaan teknologi pintar; dan strategi pemasaran.







Tahun ini adalah pengendalian Program bagi kohort ke-5 dan dikendalikan dengan kerjasama bersama LiveWIRE Brunei selaku rakan strategik PPB. Program keusahawanan ini telah bermula pada 13 Mac 2023 dan berakhir pada 30 Mei 2023. Program YDC Lights On merupakan sebuah program keusahawanan di bawah kendalian Unit Penyelidikan, Kerjaya dan Keusahawanan, Pusat Pembangunan Belia (PPB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2019. Ia adalah sebuah platform yang disediakan oleh PPB untuk menggalakkan penglibatan belia serta komuniti dalam bidang keusahawanan sekaligus mengembangkan lagi rangkaian Usahawan Tempatan di Negara ini.

Antara perisian program termasuklah kemahiran keusahawanan di peringkat asas (*Bright Ideas, Business Plan Series* dan *Financial Management*) dan peringkat *Masterclass (Design Thinking, Business Model Canvas, Raising Capital, Cost and Cash Management, e-Commerce, Social Media Marketing, Managing Teams* dan *Pitching*).

Semenjak tahun 2019, antara impak Program YDC Lights On yang ketara kepada para peserta adalah mereka kini dapat mempelbagaikan lagi strategi perniagaan, celik dalam pengurusan kewangan dan bijak dalam menganalisa saingan. Melalui platform sebegini, para peserta program juga digalakkan untuk berinteraksi bersama pakar dalam industri agar produk yang dihasilkan mendapat kritikan membina dan seterusnya di olah sehingga mendapat tempat di pasaran sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Dengan adanya platform sebegini, peserta program juga akan lebih terdedah untuk menyertai Program Keusahawanan berprestij seperti LiveWIRE Business Awards, Program i-Usahawan dan sebagainya.

## KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERLEPAS KE KEJOHANAN SUKAN PARA ASEAN KE-12



**Berakas, Rabu, 11 Zulkaedah 1444H/31 Mei 2023M.** – Seramai 21 orang ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Chef de Mission, Ketua Urusetia, 2 orang Fisioterapi, 4 orang Jurulatih, Penolong Jurulatih, 8 orang atlet sukan Olahraga, 2 orang atlet sukan Badminton dan 2 orang atlet sukan Renang telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja bagi menyertai kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-12 yang akan berlangsung pada 3 hingga 9 Jun 2023.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan kata-kata nasihat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Tuan Yang Terutama Lim Hokseng, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam diketuai oleh *Chef de Mission*, Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.





**Program BiSAI**

كمتريڤن كڤودايڤن بليادان سوكڤن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**كسأيمبڤن كرجا دان كهيدوقن**  
"Keseimbangan Kerja dan Kehidupan"  
Mengatur Waktu dan Tenaga Yang Seimbang Antara Pekerjaan dan Kehidupan

**Ahli Panel:**

*YM Dayang Nor Syahmun binti Haji Matasan, Pegawai Psikologis, Pusat Promosi Kesehatan, Kementerian Kesehatan*

*YM Ustaz Isham bin Ismail, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama*

**Tarikh:** 30 Mei 2023M  
10 Zulkaedah 1444H

**Tempat:** Dewan Digadong,  
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

**Jam:** 8:30 pagi - 11:00 pagi

UNTUK MAKLUMAT LANJUT BOLEHLAH MENGHUBUNGI DI TALIAN +673 238 2911 EXT. 1717 ATAU MELALUI EMEL HRD@KKBS.GOV.BN

## E-POSTER PROGRAM BISAI : "KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN"

1444/2023



**E-POSTER SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN ANGKATAN  
BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-62**

**1444/2023**





كـمـتـرـيـن كـبـوداـيـان بـليـا دـان سـوكـن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**Negara Brunei Darussalam**

**E-mel:** [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)

**Laman Sesawang:** [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)

**Instagram:** @kkbs\_brunei

**Facebook:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

